

	<p style="text-align: center;">KENYATAAN / SIARAN AKHBAR</p> <p style="text-align: center;">Untuk maklumat lanjut sila hubungi: Bahagian Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008</p>
---	---

YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN RASMI KARNIVAL PUTRAJAYA DAN HARI TERBUKA PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 5 OKTOBER 2019 – Menteri Wilayah Persekutuan, YB Tuan Haji Khalid Abdul Samad menyempurnakan Majlis Perasmian Karnival Putrajaya dan Hari Terbuka Putrajaya di Dataran Putrajaya, Presint 3.

Turut hadir Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan) Kementerian Wilayah Persekutuan, YBhg. Dato' Siti Fatimah Binti Daud, dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, YBhg. Datuk Hajah Rosida Binti Jaafar.

Bertemakan "Ke Arah Komuniti Sejahtera", Karnival Putrajaya yang diadakan bertujuan untuk mengukuhkan interaksi dan integrasi sosial serta hubungan baik antara PPj dengan komuniti Putrajaya dan merupakan medium terbaik untuk menambahkan elemen keceriaan serta kemeriahan di kalangan warga Putrajaya.

Sebanyak 37 acara menarik ditawarkan sepanjang 3 hari penganjuran karnival bermula dari 4 hingga 6 Oktober 2019. Antaranya adalah Tazkirah Muzikal yang menampilkan barisan penceramah terkemuka, *showcase* Komuniti Antarabangsa dan persembahan artis jemputan. Selain itu, PPj turut mengadakan Bazar Usahawan Putrajaya yang menempatkan 40 reruai pameran dan jualan produk-produk komuniti bagi memberi peluang dan mengangkat produk/perkhidmatan keluaran peniaga kecil dan usahawan yang dilahirkan menerusi program kemahiran dan keusahawanan seperti Bengkel Suri, Pemerksaan Ekonomi Bumiputera dan Program Kraf Komuniti Ku (KKK) Putrajaya ke tahap yang lebih tinggi.


Di samping itu, karnival juga turut diisi dengan pertandingan mencari bakat muda di dalam bidang kulinari, seni tarian serta nyanyian antaranya Bintang Komuniti Putrajaya, Pencarian Junior Chef @ Putrajaya, Pertandingan Tarian Antara Sekolah Putrajaya, Pertandingan Tarian Traditional dan pelbagai lagi.

Aktiviti sukan dan riadah seperti Kayuhan Sejahtera, *Street Netball*, *Street Soccer*, *Treasure Hunt* berbasikal turut diadakan bagi menggalakkan amalan gaya hidup aktif dan sihat di kalangan komuniti. PPj juga turut menyediakan sebanyak 212 hadiah cabutan bertuah berjumlah lebih RM30,000 kepada pengunjung yang hadir.

Diadakan serentak dengan Karnival Putrajaya, turut berlangsung Hari Terbuka Putrajaya anjuran PPj dan Pejabat Ketua Setiausaha Negara bertujuan untuk memberi peluang kepada semua kementerian dan agensi kerajaan bagi menawarkan perkhidmatan kepada rakyat secara serentak. Sebanyak 23 kementerian serta lebih 101 agensi kerajaan di Wilayah Persekutuan Putrajaya akan menawarkan lebih 200 perkhidmatan di Presint 1 (Parcel A, B, C, D dan E), Presint 2 hingga Presint 5 dan Presint 7 akan dibuka pada 5 Oktober 2019 bermula dari jam 9 pagi hingga 6 petang.

Antara perkhidmatan yang disediakan adalah diskaun saman trafik, pemasangan RFID percuma, karnival kerjaya, semakan wang tidak dituntut, urusan pencen, gym percuma dan banyak lagi buat pengunjung yang hadir. Antara segmen menarik Hari Terbuka Putrajaya adalah Pameran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan *Putrajaya Animal Lovers Fiesta* (PALOF).

Maklumat lanjut boleh dilayari di <https://pod.putrajaya.my>. Untuk pertanyaan lanjut berhubung Majlis Perasmian Karnival Putrajaya dan Hari Terbuka Putrajaya, sila hubungi En Mohd Fairus Bin Mohd Padzil, Pegawai Media, PPj di talian 03-88877347/019-3354346.



(TENGGU AINA BINTI YTM TENGGU ISMAIL SHAH)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 04 Oktober 2019